

TEKS UCAPAN

**YANG BERTHORMAT
DATO SERI SETIA**

**Ir. AWANG HAJI SUHAIMI BIN HAJI GAFAR
MENTERI PEMBANGUNAN**

MAJLIS PELANCARAN

SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2019

“Penglibatan Warga Belia dalam Perancangan Bandar”

(Engaging Young Citizens in Urban Planning)

pada:

**Hari Isnin, 7 Rabiulawal 1441H
bersamaan 4 November 2019M**

bertempat:

Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan

Jam:

Jam 9.00 pagi

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Mulia
Dato Seri Paduka Ar. Haji Marzuke bin Haji Mohsin
Timbalan Menteri Pembangunan;

Yang Mulia
Awang Shahrom bin Haji Awang Suhaimi
Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa, selaku Pengerusi Majlis;

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari
Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad
Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon
Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara;

Yang Mulia Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan
Pengarah-Pengarah, Pegawai –Pegawai Kanan Kementerian Pembangunan

Guru-Guru dan Pelajar-Pelajar dari Politeknik Brunei

Sidang Hadirin hadirat yang dihormati sekalian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah Subbanahu Wataála kerana dengan limpah dan kurniaNya jua kita dapat berkumpul pada pagi ini bagi sama-sama meraikan Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2019 dengan tema “**Penglibatan Warga Belia Dalam Perancangan Bandar**”. Majlis ini juga akan diselajurkan dengan acara **Pelancaran Sistem Maklumat Perancangan dan Kemajuan (IPK/IPG), Pelancaran tiga buah buku**

Garis panduan dan sebuah buku *Supplementary Guideline* edisi baru yang diterbitkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa serta menyaksikan satu Pameran Projek Perancangan hasil kolaborasi Jabatan Perancang Bandar dan Desa dengan Politeknik Brunei Darussalam.

2. Saya ingin merakamkan setinggi-setinggi penghargaan dan tahniah kepada Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan kerana dapat mengungkokayahkan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia pada tahun ini dan juga dapat melancarkan sistem maklumat perancangan dan kawalan kemajuan serta menerbitkan tiga buah buku garis panduan dan sebuah *Supplementary Guideline* edisi baru pada hari ini.
3. Penerbitan *Supplementary Guideline* dan Buku-Buku Garis Panduan dan Piawaian Perancangan ini adalah dihasratkan untuk dapat digunakan sebagai panduan serta rujukan orang ramai khususnya bagi orang-orang yang berkelayakan iaitu *Qualified Persons dan Licenced Surveyors* dalam menghadapi permohonan Kebenaran Perancangan serta Pemecahan dan Penyatuan Tanah. Sementara pelancaran sistem-sistem maklumat perancangan dan kawalan kemajuan adalah antara usaha berterusan pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa di dalam mengoptimalkan penggunaan teknologi maklumat bagi mendokong hasrat negara ke arah mewujudkan persekitaran *Smart Nation*, khusus di dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kepada orang ramai dan pihak-pihak yang berkepentingan. Usaha-usaha penambahbaikan secara progresif ini sangat-sangat dialu-alukan oleh pihak Kementerian Pembangunan, dan adalah merupakan antara usaha dan inisiatif yang murni kearah mewujudkan kemajuan yang teratur, *inclusive*, mampan dan berdaya saing, di samping memudahkan *Ease of Doing Business* di negara ini khususnya yang berkaitan dengan sektor *Dealing with Construction Permits*.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian.

4. Tema sambutan pada tahun ini **“Penglibatan Warga Belia dalam Perancangan Bandar”** atau ***Engaging Young Citizens in Urban Planning*** sememangnya amat relevan dan signifikan

dengan usaha-usaha pihak Kementerian Pembangunan dalam mengwujudkan pembangunan yang *inclusive* dan mampan bagi kesejahteraan masyarakat selaras dengan Visi Kementerian ini "***Kehidupan Berkualiti, Pembangunan Berterusan, Negara Makmur***" dan juga bagi mendokong Rangka Dasar dan Pelan Strategik Kementerian Pembangunan 2018-2023.

5. Perkara ini adalah selaras dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sempana Sambutan Hari Belia Kebangsaan kali ke 14 pada 03 Ogos 2019, di Pusat Persidangan Antarabangsa. Antara lain petikan Titah Baginda: "Di masa akhir-akhir ini, Beta turut berbesar hati atas komitmen tinggi para belia terhadap pembangunan negara. Ini bukan sahaja melalui pelbagai penglibatan dan inisiatif, bahkan juga turut menyumbang secara langsung kepada pembentukan dasar-dasar Kerajaan seperti melalui Kongres Belia Kebangsaan 2019 dan rebiu Dasar Belia Negara". Demekian Titah Baginda.
6. Dalam hal ini, memperkasa penglibatan warga belia di dalam perancangan bandar adalah sangat dititikberatkan, khusus melalui cetusan idea yang kreatif lagi inovatif serta kolaborasi berterusan dalam membentuk pelan-pelan pembangunan masa hadapan serta membantu merealisasikan dasar pembangunan negara kerana warga belia adalah merupakan generasi penerus dan pelapis kepada generasi masa ini dan juga masa hadapan.
7. Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) pada tahun ini, menunjukkan 44.5% dari jumlah keseluruhan penduduk negara ini adalah terdiri dari kaum belia yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun. Justeru itu, mengenalpasti keperluan kumpulan ini di dalam merangka dasar pembangunan negara adalah sangat sangat ditekankan, terutama sekali dalam membina kapasiti serta membuka peluang-peluang di dalam memastikan tahap *survivability dan resilience* kumpulan ini sentiasa di tahap yang tinggi supaya dapat sama-sama menyumbang kepada pelaksanaan Wawasan Brunei 2035.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian.

8. Belia masa sekarang amatlah terdedah kepada digital teknologi masa kini yang begitu canggih. Sememangnya ada kebaikan dan juga keburukannya. Namun jika difokuskan kepada yang positif, warga belia dapat mencetuskan idea kreatif ke arah meningkatkan lagi sistem-sistem pengurusan kerja, agar lebih cekap dan efektif.
9. Ledakan teknologi terkini yang merangkumi pelbagai bidang yang dibawa oleh arus Industrial Revolution 4.0 seperti *Artificial intelligence (AI)*, *robotics*, *the Internet-of-Things (IoT)*, *3D printing*, *nanotechnology*, *biotechnology*, *energy storage*, *quantum computing* dan seumpamanya, adalah merupakan antara *focus area* yang perlu diterokai oleh belia khusus di dalam membuka peluang-peluang bagi ***Creating the Connect*** yang lebih efisien dan *inclusive*.
10. Kementerian Pembangunan ke arah mencapai hasrat *Smart MOD* pula, pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan juga Jabatan-jabatan yang berkaitan dengan perancangan, adalah disarankan akan lebih kreatif dan inovatif di dalam pendekatan perancangan bandar dan desa secara menyeluruh dengan menggunakan *digitization and information technology* bagi ***Creating the Connect*** yang lebih efisien dan *inclusive* di antara apa yang dirancang dengan pelaksanaan perkara yang dirancang supaya lebih syummul dan berkesan. Ini bermaksud bahawa Jabatan Perancang Bandar dan Desa perlu lebih tampil ke hadapan dalam menjerayawarkan pelan-pelan perancangan secara lebih meluas dengan berinteraksi secara lebih dekat bersama para pemegang teras atau *stakeholders* supaya cadangan-cadangan yang terdapat di dalam pelan-pelan tersebut sentiasa relevan dan tidak lapok ditelan masa.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.


11. Saya juga difahamkan, pada masa ini pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa sedang mengungkapahkan projek usahasama dengan Jabatan Ukur di dalam mengongsikan maklumat dasar perancangan melalui *geoportal*. Saya sangat mengalu-alukan usaha ini dan

berharap jabatan-jabatan di Kementerian ini akan dapat juga berkongsi sama maklumat-maklumat berkepentingan yang lain di dalam mencapai hasrat dan objektif demi mewujudkan kemajuan yang lebih teratur, *integrated* dan mampan.

12. Selain dari beberapa buku garis panduan dan supplementari perancangan yang akan dilancarkan pada hari ini, saya juga dimaklumkan bahawa Jabatan Perancang Bandar dan Desa pada masa ini sedang **giat** membuat **rebiu** keatas beberapa buah buku **garis panduan** dan **piawaian perancangan** bagi kemajuan **perniagaan** serta melaksanakan kajian di dalam mengenalpasti pendekatan perancangan bandar di dalam menangani isu *global* seperti *Climate change*. Saya amat **menyambut baik inisiatif** yang sedang dijalankan dan berharap, melalui penerbitan buku-buku Garis Panduan dan Piawaian Perancangan berkenaan itu nanti, tahap kualiti kemajuan dan alam bina akan terus meningkat, termasuklah juga peningkatan **mutu** dan **kualiti rekabentuk** dan **susunatur bangunan** di negara ini, terutama sekali dari aspek-aspek **keselamatan, kesihatan, sekuriti dan alam sekitar (atau HSSE)**.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Bagi mengakhiri ucapan ini, peramba/saya tidak lupa merakamkan ucapan terima kasih kepada Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa kerana mengundang saya selaku Tetamu Kehormat di Majlis ini, dan juga ucapan tahniah dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Jabatan Perancang Bandar dan Desa, terutama kepada semua ahli-ahli Jawatankuasa yang terlibat bagi menjayakan Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2019 pada tahun ini.

13. Dengan kalimah  serta bertawakal kepada Allah Subhanahu Wataála serta Selawat dan Salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallahu Alaihi Wassalam, saya dengan ini melancarkan **sistem-sistem maklumat perancangan dan kawalan kemajuan, buku *Supplementary Guideline* bagi Kepadatan Tanah dan Nisbah Plot, Buku Garis Panduan dan Piawaian Perancangan bagi Kemajuan Industri, Buku Garispanduan Perancangan bagi Tambahan dan Ubahsuai Perumahan dalam Skim**

Kawasan Rancangan Perumahan Negara, Buku Garispanduan Perancangan bagi Permohonan Pemecahan dan Penyatuan Tanah, serta Pameran Projek Perancangan, pada hari ini Isnin, 7 Rabiulawal 1441 Hijrah bersamaan dengan 4 November 2019 Masehi.

Sekian wabilahitaufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullah.